



SIARAN MEDIA

27 PENYELESAIAN BANTU ATASI ISU SEKURITI MAKANAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI

PUTRAJAYA, 28 Jun 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menawarkan 27 daripada 46 penyelesaian teknologi yang sedia diguna pakai secara meluas untuk membantu negara menangani isu sekuriti makanan bagi penyelesaian jangka masa pendek.

Penyelesaian teknologi yang dikenal pasti terbahagi kepada beberapa kluster iaitu biji benih, biobaja dan baja penggalak, penggunaan dron dan robotik, perkhidmatan ujian dan aplikasi internet kebendaan (IoT), akuakultur serta makanan ternakan.

Antara penyelesaian teknologi yang diketengahkan adalah penggunaan automasi sistem fertigasi, pertanian menegak (*vertical farming*), akuaponik yang digandingkan bersama aplikasi kecerdasan buatan (AI) yang mampu beroperasi di kawasan terpencil dan mengurangkan kos operasi melalui penggunaan Panel Tenaga Suria Nano (NLEP) tenaga solar sebagai sumber tenaga utama. Penggunaan teknologi ini boleh diguna pakai bagi pelbagai jenis tanaman hijau berdasarkan kesesuaian kawasan dan keperluan pasaran.

Sementara itu, teknologi IoT dan *blockchain* akan turut digembleng bersama lain-lain penyelesaian teknologi bagi merancakkan industri agro.

Penggunaan biobaja pintar, teknologi penjerap nutrien dan teknologi pemuliharaan tanah juga boleh meningkatkan produktiviti tanaman. Teknologi ini berupaya mengatasi isu kenaikan harga baja berikutan bekalan bahan terhad berikutan krisis dunia. Produk ini amat sesuai digunakan dalam skala besar bagi mempertingkatkan kawasan penanaman yang subur dalam tempoh yang singkat.

Menerusi Agensi Nuklear Malaysia, kajian dan data di lapangan juga telah memperlihatkan keupayaan biobaja yang berpotensi menjimatkan kos baja sehingga 50 peratus dan meningkatkan hasil sehingga 8 peratus. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada baja, dan subsidi baja juga dapat dikurangkan secara berperingkat.

Untuk makluman, beberapa model pelaksanaan juga telah dikenal pasti MOSTI termasuk perubahan besar ke atas penambahbaikan mekanisma sistem penyampaian sekiranya perlu dilaksanakan bagi memperkuuhkan polisi negara dalam mengalakkan lagi penggunaan teknologi dalam industri agro.

MOSTI yakin bahawa teknologi yang diketengahkan mampu memberi impak yang berkesan dalam memastikan sekuriti bekalan makanan terjamin dengan kos yang berpatutan serta pengurangan kepada kebergantungan penuh kepada buruh asing.

Kesemua penyelesaian teknologi ini merupakan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan. Ini membuktikan bahawa negara mempunyai kepakaran dan kemampuan yang tinggi dalam sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) dan peluang ini digunakan sebaiknya dalam menangani isu bekalan

makanan.

Penyelesaian berlandaskan teknologi ini merupakan sokongan MOSTI kepada kesinambungan usaha-usaha yang sedang dan telah dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Produk serta teknologi yang telah dikenal pasti oleh MOSTI ini akan dibincangkan secara berterusan dan dengan lebih terperinci bersama MAFI bagi memastikan teknologi yang diperkenalkan sesuai dilaksanakan berdasarkan lokaliti dan keperluan sesuatu sektor.

Iltizam MOSTI adalah untuk membantu Keluarga Malaysia menerusi kepakaran melibatkan penyelesaian teknologi sejajar dengan tema yang diangkat MOSTI iaitu ‘Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi’.

MOSTI memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak bagi memastikan semua teknologi ini sampai kepada rakyat dan dimanfaatkan terutama dalam menangani peningkatan kos sara hidup, meningkatkan pengeluaran tanaman dan mengurangkan kos operasi.

Usaha sama dengan semua pihak berkepentingan baik di peringkat persekutuan mahupun negeri akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kesinambungan dan kemampunan industri agromakanan.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
28 JUN 2022